



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
PEJ. TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)**

Tel : +606-3316092 / 6061 / 6071 | Faks : +606-3316075

Rujukan Kami (Our Ref) : PRGS/2/2015/ICT01/FTMK/02/T00013  
Rujukan Tuan (Your Ref) :

2 Disember 2016

**Sdri. Che Ku Nuraini binti Che Ku Mohd**  
KM 3355 Jalan Bayu 3  
Taman Seri Bayu 2  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Tuan/Puan,

**PERLANTIKAN PEMBANTU PENYELIDIK (RESEARCH ASSISTANT) PROJEK**

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa tuan/puan telah ditawarkan jawatan sebagai **Pembantu Penyelidik Projek** di bawah projek:

**Tajuk Projek** : Development Of Autism Cognitive Level Identification Assessment Kits Using Serious Game Technique for Seameo Sen (Autism Kits)  
**Ketua Penyelidik** : Prof. Dr. Faaizah Shahbodin  
**Fakulti** : Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)  
**Kod Projek** : PRGS/2/2015/ICT01/FTMK/02/T00013

2. Perlantikan ini berkuatkuasa mulai **1 Disember 2016** hingga **28 Febuari 2017**. Penggajian adalah berdasarkan bulan ke sebulan dengan gaji sebanyak **RM4,000sebulan**. Tuntutan gaji hendaklah dibuat pada setiap 29 haribulan menggunakan borang **UTeM/CRIM/RND/003A** dan **UTeM/CRIM/RND/005** yang boleh dimuat turun melalui portal URIS.
3. Tuan/Puan perlu menjalankan aktiviti penyelidikan seperti yang diminta oleh ketua penyelidik secara beretika dan mematuhi garis panduan penyelidikan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
4. Faedah Perubatan: Tuan/Puan adalah berkelayakan menerima rawatan perubatan bagi diri tuan/puan sahaja dari hospital dan klinik kerajaan dan tidak layak menerima rawatan dari klinik panel UTeM.
5. Cuti Tahunan: Tuan/Puan adalah layak untuk mendapat cuti tahunan sebanyak 7 hari setahun berasaskan kiraan pro-rata tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan kelulusan.
6. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja: Tuan/Puan adalah dikehendaki membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atas kadar 11% daripada gaji bulanan. Pihak majikan pula akan mencarumkan kepada tabung tersebut atas kadar 13% daripada gaji bulanan.
7. PERKESO: Selain daripada itu, Tuan/Puan juga akan menerima faedah-faedah PERKESO (SOCISO) mengikut peraturan skim tersebut.